

KONSEP POLIGAMI MENGIKUT PERSPEKTIF PARA ISTERI DALAM JEMAAH GLOBAL IKHWAN SDN. BHD.

Farrah Wahida Mustafar
farrahwahida@kuim.edu.my
Kolej Universiti Islam Melaka

Adam Badhrulhisham
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Poligami dalam masyarakat Islam di Malaysia memberi pelbagai reaksi daripada orang awam. Tindak balas yang menonjol di Malaysia adalah penubuhan Ikhwan Polygamy Club (Kelab Poligami Ikhwan (KPI)) dan Club Taat Suami dari Kelab Ikat Suami Global Ikhwan Sdn. Bhd. (GISB) yang menyebarkan poligami sebagai amalan yang baik. Walau bagaimanapun, banyak kajian menunjukkan terdapat cabaran hidup di kalangan ahli keluarga poligami. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi para isteri terhadap poligami. Kajian ini dijalankan di Selangor dengan menggunakan kaedah kualitatif eksploratori yang merupakan wawancara mendalam. Lima wanita, berumur antara 20-45 tahun dipilih dalam kajian ini yang menjadi isteri pertama, kedua dan ketiga. Subjek-subjek ini telah dipilih menggunakan pendekatan snowballing. Data dianalisis dengan menggunakan deskriptif dan ditafsirkan secara kritikal. Keputusan menunjukkan bahawa semua subjek yakin bahawa poligami adalah satu cara untuk menerima keberkatan daripada Tuhan. Satu lagi penemuan penting ialah isteri mempunyai cara untuk mengawal pemikiran negatif dengan sering merujuk perkara kepada poligami 'Murshid'. Kesimpulan penyelidikan ini menunjukkan bahawa mereka percaya poligami dianggap sebagai takdir Tuhan.

Kata kunci: poligami, para isteri, Global Ikhwan Sdn. Bhd.(GISB)

THE CONCEPT OF POLYGAMY BY THE PERSPECTIVE OF THE WIVES IN GLOBAL IKHWAN SDN. BHD

ABSTRACT

Polygamous marriages in the Muslim community in Malaysia have various reactions from the public. A strong reaction that stands out in Malaysia was establishment Ikhwan Polygamy Club (Kelab Poligami Ikhwan (KPI)) and the Obedient Wives Club (Kelab Taat Suami) of Global Ikhwan Sdn. Bhd. (GISB) that disseminate good practice polygamy. However, many studies found that challenges of living a polygamous family members. Therefore, this study was conducted to investigate the perception of wives of polygamous marriage. This study was conducted in Selangor using exploratory qualitative method which is in-depth interviews. Five women, aged between 20-45 years were selected in this study which is who became the first, second and third wife. These subjects have been selected using snowballing approach. The data were analyzed using descriptively and interpreted critically. The results showed that all subjects convince that polygamy is a way to receive the blessings of God. Another important finding was that wife have a way to control negative thoughts with often refer matters to polygamy 'Murshid'. The conclusion of this investigation show that they believe polygamous marriage is regarded as acts of God.

Keywords: Polygamous marriage, wives, Global Ikhwan Sdn. Bhd.(GISB)

PENDAHULUAN

Dalam artikel *The Malaysian Insider* bertarikh 28 Jun 2015 mengatakan terdapat pasangan muda dari Global Ikhwan Sdn. Bhd. (GISB) yang melangsungkan perkahwinan dan berpendapat bahawa perkahwinan poligami adalah cara untuk lebih dekat dengan tuhan. Poligami sudah banyak diamalkan dalam masyarakat Melayu di negara ini. Menurut Pertubuhan Pertolongan Wanita pada 2003 terdapat banyak kes dan panggilan yang diterima dari wanita yang beragama Islam mengenai suami mengugut untuk berkahwin lain sekiranya isteri tidak menurut perintahnya. Malah terdapat aduan dari wanita bukan Islam tentang suami mengugut akan menganut agama Islam dan berkahwin dengan wanita Muslim. Wathshlah Naidu dalam artikel 19 Mac 2003 mengatakan institusi poligami telah mempengaruhi budaya dan tindak-tanduk lelaki dengan tidak boleh mempersoalkan segala tindakan dan mewujudkan penyalahgunaan keistimewaan untuk memanipulasi dan menganiaya isteri mereka.

Sanderson (2000) mengatakan prinsip ketidaksamarataan hubungan di antara lelaki dan wanita adalah lahir dari pergantungan wanita kepada lelaki yang merupakan pengaruh dari sistem patriarki yang menunjukkan kekuasaan suami terhadap isteri. Berpunca daripada pandangan sebegini, amalan poligami yang telah berjalan dalam masyarakat dari dulu sehingga ke hari ini dianggap sebagai merendahkan status wanita daripada lelaki. Mohd Zariat Abdul Rani (2008) mengatakan kisah *Tok Guruyang* dikatakan merujuk kepada Abuya Ashaari; pengasas GISB dilihat dalam konteks yang berbeza mengikut gender. Fungsi poligami dilihat bertumpu kepada soal nafsu seks manusia dengan mengaitkan soal kelebihan kepada kaum lelaki dan musibah kepada kaum wanita. Justeru Al-Arqam (kini GISB) dikatakan melakukan penyelewengan dalam praktik amalan perkahwinan poligami. Tambahan pula, gambaran yang diberikan oleh Kelab Poligami Ikhwan dan Kelab Taat Suami kepada masyarakat umumnya seolah-olah menumpukan kepada penyerahan penuh isteri terhadap memenuhi kehendak seksual suami (Jhy Wee Sew 2012).

Pandangan poligami sering difahami dalam penafsiran yang berbeza-beza namun di Malaysia umumnya menurut Mohd. Said Yusof selaku salah seorang ahli politik pada ketika itu mengatakan tiada pihak yang dapat menafikan hak lelaki untuk mengamalkan poligami tetapi ia perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan (Utusan Malaysia 2005). Selain itu, dikatakan tiada faedah dan manfaat sekiranya beristeri ramai jika ia menjadi punca kepada perpecahan dalam keluarga dan menyebabkan masalah sosial dalam kalangan anak-anak yang tidak mendapat perhatian keluarga. Seorang lagi ahli politik, Mohd. Alwi Che Ahmad ketika perbahasan Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) pindaan 2005 di Parlimen mengatakan kerajaan perlu melihat secara menyeluruh terhadap sebarang pindaan ke atas undang-undang Islam di Malaysia bagi memastikan perjalanan pentadbiran agama Islam berjalan lancar. Dalam membina keluarga Islam yang paling diutamakan ialah soal tarbiah (pendidikan) dan bukan sahaja dengan akta. Dalam kenyataan yang sama, beliau mengaitkan hal ini dengan kelompok Al-Arqam dalam konteks perkahwinan secara poligami. Beliau berpendapat bahawa harus diteliti bagaimana Al-Arqam begitu senang meyakinkan golongan wanita mereka tentang poligami (Nazeri Nong Samah & Helmi Mohd. Foad 2005).

Justeru, pandangan masyarakat dan realiti seolah-olah menggambarkan poligami tidak membahagiakan keluarga khususnya para isteri. Kajian menunjukkan banyak masalah yang ditonjolkan daripada pengamalan poligami. Walau bagaimanapun konsep poligami dalam kalangan ahli kumpulan GISB (dahulunya dikenali sebagai Al-Arqam atau Rufaqa') menggambarkan kehidupan berpogami sebagai suatu yang bukan mengundang masalah malah menimbulkan kebaikan dan kesejahteraan dalam keluarga. GISB kemudiannya menubuhkan Kelab Poligami Ikhwan (KPI) dan Kelab Taat Suami (KTS) bagi mendedahkan kehebatan perkahwinan secara poligami kepada para isteri.

Rentetan daripada itu, Kelab Taat Suami dijadikan sebagai medan ilmu kepada para isteri supaya mentaati suami. Kelab-kelab ini menarik perhatian pelbagai pihak kerana biasanya masyarakat Melayu beragama Islam merasakan perkahwinan poligami adalah suatu perkahwinan yang bukan menjadi pilihan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat fenomena pengamalan berpoligami di kalangan ahli GISB khususnya KPI yang dilihat agak bertentangan dengan pandangan masyarakat secara umum.

POLIGAMI MENURUT ISLAM

Poligami menurut Islam seperti mana yang diketahui umum merupakan suatu pensyariaan yang disebutkan dalam al-Quran. Dalam membicarakan berkenaan poligami menurut Islam, semestinya ayat ketiga surah al-Nisa' menjadi titik utama. Allah SWT berfirman:

لَمَّا مَنَّ عَلَى النِّسَاءِ مِنْ لَكُمْ طَابَ مَا فَا نَكَحُوا الَّتِي تَمَنَّى فِي تَقْسِطٍ وَّالْأَلَا خِفْتُمْ وَّإِنْ
لَوْ الَّا اَدْبَى ذَٰلِكَ أَيَّمَنْكُمْ مَلَكَتْ مَا أَوْفُوا حِدَةً تَعْدِلُوا الَّا خِفْتُمْ فَإِنْ وَرَبَعَوْا
تَعُو

Maksudnya: “Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.”

Ayat ini difahami dengan pengharusan untuk berkahwin sehingga empat orang isteri. Menurut al-Tabari dalam tafsirnya, amalan masyarakat jahiliyyah sebelum Islam, tiada had dalam perkahwinan, malahan ada di antara mereka yang berkahwin dengan ramai wanita sehingga sepuluh orang. Perkahwinan jahiliyyah adalah perkahwinan yang jauh daripada prinsip keadilan. Islam muncul dengan membawakan pembaharuan kepada amalan ini dengan mengutamakan keadilan kepada wanita yang ingin dikahwini. Al-Tabari juga menyebutkan ayat ini diletakkan selepas ayat yang membincangkan suruhan untuk berlaku adil dalam menguruskan harta anak yatim. Kezaliman dalam memakan harta anak yatim digambarkan sebagai satu dosa yang besar (*huban kabīrā*). Justeru, seperti mana dilarang berbuat zalim kepada anak yatim, begitu jugalah dilarang untuk berlaku zalim terhadap para wanita. Oleh itu difahami bahawa berkahwin lebih daripada seorang dengan tidak melebihi empat adalah diharuskan selagi mana keadilan dapat dilaksanakan dengan baik.

Ayat ini juga mengisyaratkan seandainya keadilan tidak mampu dicapai, memadai dengan hanya seorang isteri. Beliau juga menegaskan ayat membawa erti larangan dan tegahan untuk berkahwin lebih daripada seorang seandainya diketahui seseorang lelaki itu tidak mampu berlaku adil kepada lebih seorang isteri. (al-Tabari, 2001).

Justeru, amalan poligami dalam Islam sangat sinonim dengan perkataan adil. Adil berasal daripada kalimah '*adala* yang bermaksud lurus dan jujur. Ianya adalah antonim bagi perkataan *al-jawr* (الجرور) yang bererti kezaliman (Ibn Manzūr, 1986). Zalim pula bermaksud tidak meletakkan sesuatu pada tempatnya. Oleh itu keadilan bermaksud memberikan atau meletakkan sesuatu itu pada haknya. Walau bagaimanapun adil bukanlah bererti sama rata. Lebih-lebih lagi dalam hal poligami, keadilan bukanlah bermaksud membahagikan harta secara sama rata kerana keperluan setiap isteri itu tidak semestinya sama. Contohnya isteri yang mempunyai anak atau ahli keluarga yang ramai sudah tentu tidak sama dengan isteri yang tidak mempunyai ahli keluarga. Ianya memadai dengan memberikan nafkah kepada setiap isteri sehingga cukup segala keperluan mereka dengan optimum. Namun, jumhur ulama' bersepakat atas kewajipan suami berlaku adil dalam pembahagian nafkah isteri iaitu tempat tinggal, makanan dan tempat tinggal (Azwarfajri, 2011).

Al-Maraghi (1946) pula menyatakan bahawa, asasnya hanya seorang isteri untuk setiap laki-laki. Namun poligami boleh diamalkan hanya dengan situasi yang tertentu iaitu apabila terdapat kemaslahatan yang diiringi dengan keadilan. Beliau berpendapat yang disebutkan dengan adil dalam berpoligami ialah mampu berlaku adil dalam pembahagian harta, tempat tinggal, pakaian dan perkara-perkara material. Adapun berlaku adil dalam perasaan hati tidaklah diwajibkan kerana manusia tidak mampu untuk membahagikan kasih sayang secara sama rata dengan mutlak kepada ramai isteri. Ini dapat dilihat sendiri dalam kisah baginda SAW yang menyatakan kecintaan baginda kepada Aisyah RA melebihi para isteri baginda. Meskipun begitu, perkara ini dapat diterima dengan baik dan mendapat keizinan daripada kesemua isteri baginda. Selanjutnya beliau menggariskan bahawa amalan poligami adalah bertujuan untuk meraikan kemaslahatan manusia. Keharusan berpoligami menurut al-Maraghi adalah tertakluk kepada empat situasi:

1. Sekiranya isteri pertama mandul dan tidak mampu memberikan zuriat kepada sang suami.
2. Sekiranya isteri tidak mampu melayani kehendak seksual suami seperti keadaan isteri yang sudah tua atau haid yang berpanjangan sehingga dikhuatiri suami akan terjebak dengan zina seandainya dibiarkan, dengan syarat suami mestilah mampu memberikan nafkah kepada semua isterinya.
3. Sekiranya suami memiliki harta yang banyak dan memungkinkan dia menampung kehidupan lebih daripada satu isteri.

4. Sekiranya jumlah wanita melebihi jumlah lelaki dalam sesebuah kaum atau komuniti disebabkan peperangan (ramai lelaki terkorban) dan para wanita memerlukan perlindungan dan penjagaan kaum laki-laki.

Dalam teori hukum Islam, poligami bukan wajib dan bukan sunnah, tetapi Islam membolehkannya dipraktikkan oleh orang lelaki dengan tujuan untuk mengelakkan terjadinya pezinaan. Menurut Ibnu Mas'ud dan Zainal Abidin (2000), dalam Fiqh Mazhab Syafi'e seseorang hanya diberi hak menikahi seorang isteri sahaja, sekiranya isteri tidak mampu untuk melayani suami sepenuhnya kerana lemah dan sebagainya, barulah suami diberi kesempatan untuk beristeri lebih dari seorang. Walau bagaimanapun menurut Sayid Sabiq (1990) seorang lelaki haram berseduqah lebih dari empat orang perempuan. Poligami dibolehkan selama tidak dikhuatirkan terjadinya penganiayaan terhadap para isteri. Seandainya tidak yakin tentang perkara tersebut, dianjurkan kaum lelaki tidak melaksanakan perkahwinan poligami kerana dibimbangi berlakunya ketidakadilan dan penganiayaan terhadap isteri-isterinya. Poligami merupakan pengharusan yang disertai dengan syarat-syarat yang ketat sehinggakan hanya sebilangan kecil sahaja yang mampu mengamalkannya dengan sebenar-benarnya menurut prinsip Islam (Marzuki, 2005) Perkahwinan dalam Islam adalah untuk mencapai kebahagiaan, ketenangan jasmani dan rohani, menjaga keturunan dan pelbagai lagi tujuan lain. Oleh yang demikian seandainya perkahwinan yang dilaksanakan tidak mampu mencapai tujuan ini, malahan mendatangkan keburukan yang lebih parah, ianya adalah amalan yang bertentangan dengan prinsip Islam.

GLOBAL IKHWAN SDN. BHD. (GISB)

GISB mempunyai sejarah yang panjang dan dijenamakan semula setelah dua generasi dihapuskan oleh kerajaan iaitu Al-Arqam dan Rufaqa'. Jemaah ini telah berhadapan dengan dua kali pengharaman oleh pihak berkuasa dan pihak jabatan agama Islam kerana menyebarkan ajaran yang dianggap sesat oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) disebabkan beberapa perkara yang dianggap menyeleweng daripada akidah Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Pengasaskumpulan Al-Arqam, Ashaari Muhammad dikenakan tindakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) serta dibuang daerah.

Walaupun setelah Ashaari Muhammad memberi jaminan tidak akan terlibat dalam usaha menghidupkan pertubuhan yang diharamkan semasa memberi kenyataannya dan penjelasan dalam sidang akhbar, pengikut-pengikut masih merasa taksud kepada beliau dan ketaksudan mereka tetap jelas walau ajaran yang disebarkan menyeleweng dari akidah Islam (Zulkiflee Bakar 2010). Pengharaman al-Arqam dibuat pada 5 Ogos 1994 oleh Majlis Fatwa Kebangsaan kerana ajarannya bertentangan dengan akidah dan syariah Islam dan boleh menyebabkan syirik (Berita Harian 2010).

Antara kesesatan yang nyata ialah mendakwa beliau boleh meramal sesuatu, mengampunkan dosa, membantu secara ghaib, menanggukkan kematian dan berkomunikasi dengan Rasulullah saw (http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=324&Itemid=70, 31 Jun 2010). Justeru ajaran dan fahaman ini dianggap bertentangan dengan akidah, syariah Islamiah serta mengelirukan masyarakat Islam (Utusan Malaysia 2009).

Menurut Ketua Pengarah JAKIM pada ketika itu, Datuk Wan Mohamad Datuk Sheikh Abd. Aziz, berdasarkan maklumat yang diperolehi, jemaah ini masih hidup dengan berselindung atas nama Syarikat Global Ikhwan Sdn Bhd. Malah Kelab Poligami Ikhwan (KPI) merupakan salah satu strategi yang digunakan bagi mengekalkan gerakan tersebut (Utusan Malaysia 2009). Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Bin Baharom mengatakan pemantauan terhadap Al-Arqam dilakukan terutama terhadap rangkaian perniagaan bagi memelihara akidah umat Islam di negara ini (Utusan Malaysia 2010).

KONSEP POLIGAMI MENURUT PERSPEKTIF GISB

Dalam jemaah al-Arqam, Hatijah Aam selaku pembantu kanan yang sangat berpengaruh telah menulis buku 'Modul Poligami Indah Dari Tuhan'. Berdasarkan kenyataan dan realiti umum dalam masyarakat, poligami menjadi suatu perkara yang tabu dan jelek. Namun bagi pengikut Arqam, poligami ialah satu amalan yang indah dan digalakkan. Dalam tulisan Hatijah Aam (2009) yang dikatakan motto bagi Kelab Poligami Ikhwan (KPI) dalam Modul Poligami Indah Dari Tuhan, mereka mempunyai dasar dan landasan tersendiri sehingga al-Arqam memperjuangkan perkahwinan poligami secara habis-habisan dan ianya dianggap sebagai cara hidup keluarga Nabi Muhammad. Ia juga dikatakan kehendak Tuhan kerana Tuhan ingin mengatakan bahawa:

1. Poligami adalah alternatif kepada perzinaan dan pelacuran yang menjadi budaya hidup masyarakat jahiliah.
2. Poligami adalah langkah praktikal untuk membuktikan kasih sayang dan pembelaan.
3. Poligami merupakan gelanggang membina kepimpinan suami.
4. Poligami dipilih untuk membolehkan nafsu wanita sentiasa dicabar dan dilemahkan. Jika tidak, wanita akan dibinasakan oleh nafsunya yang berjaya menjadi tuhan.
5. Poligami ialah kaedah untuk praktikkan rasa syukur atas nikmat suami isteri, Allah mahu nikmat-nikmat pemberian-Nya itu dikongsikan.
6. Poligami adalah usaha untuk menjadikan Tuhan sebagai sponsor atau pemodal. Tuhan tidak boleh dianggap miskin kerana Dia adalah Maha Kaya.

7. Poligami akan mengajak Tuhan mengikat hati-hati dengan kasih sayang. Tuhanlah pengikat sebenar bukan harta, manusia atau dunia.
8. Poligami memuliakan dan mengangkat martabat wanita, bukan menghina atau menindas wanita kerana dengan poligami, wanita sentiasa mendapat ubat-ubat paling mujarab untuk mengalahkan nafsu-nafsu mazmumah. Wanita yang menurut kata nafsu adalah wanita yang hina dan tertindas.
9. Poligami melahirkan lelaki yang mampu menjadi ayah kepada bangsanya dan melahirkan wanita yang boleh menjadi ibu kepada manusia.
10. Poligami yang melahirkan keluarga besar yang berwibawa adalah senjata peperangan yang paling ditakuti oleh Yahudi. Masjidil Aqsa akan kembali ke tangan Islam oleh pejuang yang tidak takut poligami dan berjaya dalam poligami.

Dalam poligami al-Arqam, Ashaari Mohamad bertindak sebagai pemimpin dan pemberi tunjuk ajar kepada pengikut-pengikutnya. Malah isteri-isteri dan anak-anak Ashaari Mohamad juga menjadi panduan kerana dengan keindahan dan kebahagiaan yang dipamerkan menjadikan mereka diberi keutamaan sebagai *'role-model'*. Sikap beliau dianggap sebagai al-Quran dan hadis kerana di samping memberi syarahan al-Quran dan hadis, beliau juga mempraktikkan nas-nas al-Quran dan hadis justeru Ashaari Mohamad dianggap sebagai al-Quran dan hadis bergerak. Selain itu mereka juga menerima didikan dan tarbiah daripada Ashaari Mohamad dan isteri-isterinya terutama Hatijah Aam yang merupakan pengasas kepada KPI yang menekankan konsep tarbiah (didikan) yang mengutamakan kepimpinan (bagi lelaki) dan meraih cinta Allah (bagi perempuan), mujahadah (melawan nafsu untuk menggapai syurga) dan berkasih sayang.

Mereka percaya jawapan bagi persoalan mengapa lelaki dibenarkan beristeri lebih dari satu ialah kerana Allah dan Rasul mempunyai rancangan yang besar untuk orang-orang yang bertaqwa. Poligami merupakan keutamaan dan monogami hanya jalan alternatif berdasarkan ayat dan dalil dari Al-Quran yang terkandung dalam surah al-Nisa' ayat tiga yang bermaksud (<http://poligamiikhwan.org/portal/artikel/mengapa-berpoligami.html>, 1 Jun 2010),

“Maka kahwinilah perempuan-perempuan yang kamu sukai dua, tiga dan empat tetapi jika kamu khawatir tidak dapat berlaku adil maka kahwinilah satu sahaja”

Menurut pandangan KPI, ayat ini termasuk ayat perintah dan ayat suruhan. Walaupun menurut para ulama ayat tersebut tidak membawa maksud wajib, namun ia menjadi suatu suruhan dan anjuran Tuhan kepada hamba-hambaNya. Suruhan yang sebenarnya adalah bermula dengan poligami, sekiranya tidak mampu baharulah monogami menjadi pilihan. Justeru melakukan suatu perkara yang dianjurkan oleh Tuhan menjadi kebanggaan kerana hakikatnya adalah untuk Allah. Ayat tersebut disimpulkan bahawa Tuhan menawarkan kaum lelaki agar mengahwini dua, tiga dan empat manakala sekiranya kamu bermasalah dalam melakukan keadilan maka selemah-lemah pilihan adalah hanya berkahwin dengan seorang isteri. Tafsiran ini dikiaskan dengan hadis yang bermaksud:

“Barangsiapa yang melihat kemungkaran maka cegahlah dengan tangan (kuasa), jika tidak mampu maka cegahlah dengan lisan dan jika kamu tidak mampu, cegahlah dengan hati. Itulah selemah-lemah iman”.

Selain itu, tuntutan poligami ini dianalogikan seperti seorang guru berkata kepada murid-muridnya, “wahai murid-murid sekalian, supaya kamu pandai dalam ilmu matematik ini, maka selesaikahlah dua soalan yang saya berikan ini. Lebih baik lagi kalau kamu boleh selesaikan tiga. Tetapi kalau kamu tidak mampu maka selesaikan satu sahaja”. Ayat tersebut mengatakan dengan sinis bahawa hanya orang yang takut berlaku adil sahaja tidak akan berpoligami sedangkan masalah takut dengan adil adalah berkait rapat dengan taqwa.

Abuya Ashaari Muhammad (t.th) mengatakan bukti keutamaan poligami adalah pada zaman Rasulullah, para sahabat, salafussoleh dan umat Islam sekitar 700 tahun selepasnya majoriti umat menjadikan poligami sebagai cara hidup dan secara tidak langsung menjadi tradisi dalam kehidupan masyarakat. Kumpulan ini berpendapat sejumlah tiga perempuan daripada kalangan sahabat Rasulullah adalah pengamal poligami. Walau bagaimanapun selepas kejatuhan empayar Islam semenjak 700 tahun yang lalu, Barat menggerakkan perjuangan hak asasi wanita terutama dalam soal poligami.

Berdasarkan sejarah, Rasulullah yang berkahwin seramai 11 orang isteri menjadikan kabilah-kabilah Arab akhirnya tunduk dibawah kepimpinan Rasulullah. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah mereka berkata: “Ya Muhammad, kalau beginilah kemampuanmu dapat menjinakkan 11 orang wanita sedangkan aku sendiri susah menjadikannya taat kepadaku, maka engkau memang pemimpin yang hebat. Kami menyerah diri untuk berada dalam kepimpinan dan pemerintahanmu” (<http://poligamiikhwan.org/portal/artikel/mengapa-berpoligami.html>, 1 Jun 2010).

Rasulullah adalah bukti kebenaran poligami sebagai perbuatan yang dianjurkan. Menurut Fakhur Razi Ashaari selaku Pengerusi Eksekutif GISB beliau berpoligami kerana Allah dan ingin membuktikan cinta kepada Allah dan Rasul (<http://poligamiikhwan.org/portal/artikel/poligami-menjana-kemakmuran-keluarga.html>, 1 Jun 2010). Malah sangat mustahil apa yang dianugerahkan oleh Allah itu adalah perkara yang zalim dan tidak mungkin juga Rasulullah merupakan seorang yang zalim kerana baginda berpoligami.

Apabila suami dan isteri mempunyai cita-cita yang sama iaitu ingin membuktikan cinta kepada Allah dan Rasul, maka konsep dan pelaksanaan poligami dirasakan bukan sahaja suami boleh dikongsi malah kasih sayang, harta, kemakmuran, anak-anak, tanggungjawab, masalah dan sebagainya. Poligami boleh menjadikan sebuah keluarga yang besar sebagai tempat latihan kepimpinan secara tidak langsung kepada seluruh ahli keluarga dan seterusnya dapat membentuk sebuah masyarakat dan empayar Islam. Poligami sebenarnya memberi manfaat kepada seluruh umat manusia bukan sahaja untuk suami, isteri dan anak-anak malah poligami mengumpulkan kekuatan ‘*superpower*’, iaitu (<http://poligamiikhwan.org/portal/artikel/mengapa-berpoligami.html>, 1 Jun 2010):

- 1) Kekuatan taqwa ialah seluruh ahli keluarga mesti mengukuhkan keimanan dan ketaqwaan bagi mengawal segala masalah. Ini adalah kerana dengan mencintai dan takut kepada Tuhan akan mendorong manusia berbuat baik satu sama lain dan dapat mengawal dari segala kejahatan.
- 2) Kekuatan perpaduan ialah keluarga poligami yang dibangunkan atas dasar cinta dan takut kepada Tuhan akan menyatukan seluruh ahli keluarga dan tidak akan timbul masalah duniawi seperti soal harta, giliran, kasih sayang suami dan sebagainya kerana masing-masing sibuk mengejar cinta dan kasih sayang Tuhan.
- 3) Kekuatan keselarasan ialah apabila seluruh ahli keluarga telah bersatu hati, maka akan wujud cara berfikir, perasaan dan tindakan akan selaras iaitu akan berusaha menjadikan keluarga itu bahagia. Keluarga yang bahagia adalah syurga dunia malah ada pepatah menyebut, “kalau di dunia kamu tidak dapat menjadikan keluargamu bahagia bagai syurga, jangan harap kamu akan mencium bau syurga di akhirat”.
- 4) Kekuatan ekonomi atau wang ialah keluarga poligami yang besar dan berjaya adalah aset ekonomi yang besar kerana dapat membentuk ‘*company*’ yang berjaya.

Dari sudut kekeluargaan pula, seorang ayah yang mempunyai ketokohan kepimpinan dalam keluarga akan dapat mengurus ahli keluarga yang ramai malah ia juga menyumbang kepada peningkatan ekonomi kerana anak-anak kelak bakal bertanggungjawab menggerak dan mengurus perniagaan (Hafizahril Hamid 2009).

Al-Arqaam menggalakan perkahwinan yang bersandarkan kepada Islam kerana perkahwinan bukan sahaja tempat menyalurkan nafsu seks di tempat yang betul tetapi ia sangat penting bagi menjayakan perjuangan jemaah (Ann Wan Seng 2005). Suami memainkan peranan yang sangat penting selepas akad nikah iaitu memberi iman dan Islam kepada isteri bukan hanya sekadar makan-minum dan seks semata-mata. Ini adalah kerana syarat utama memilih suami dan isteri yang ditetapkan oleh Allah dan Rasul ialah agama. Tujuan syarat yang diberikan adalah supaya perkahwinan itu menghadirkan taqwa iaitu cinta dan takut kepada Allah. Perkahwinan bukan sahaja untuk mendapatkan zuriat dan harta tetapi untuk merebut cinta Allah. Ini adalah disebabkan tiada apa yang boleh dibanggakan dengan dunia ini memandangkan yang lebih utama dan dibesar-besarkan adalah akhirat.

Kesempurnaan di dalam rumahtangga akan terbentuk apabila mempunyai empat orang isteri atau ibu yang saling menyayangi dan bertanggungjawab. Keadaan ini akan mewujudkan sebuah istana dan institusi global yang menyediakan semua kelengkapan duniawi dan ukhrawi untuk seluruh ahli keluarga. Institusi keluarga merupakan tapak perjuangan kerana dapat membuang segala sifat mazmumah lantas dapat mengeratkan ukhwh dan selaraskan seluruh ahli bagi membangunkan empayar keluarga. Dalam poligami tidak timbul masalah suami bergilir kasih dengan empat isteri malah poligami lebih menunjukkan rasa kasih sayang suami terhadap isteri. Kasih sayang itu bukan hanya dengan tidur bersama-sama setiap malam. Dalam dunia ini, suami atau isteri adalah fitrah yang bukan untuk dicintai sebab dunia sangat dilihat penuh tipu daya justeru tiada perbezaan antara isteri pertama, kedua, ketiga dan keempat kerana mereka semua adalah sama. Isteri pertama pula jangan terlalu berharap kepada harta sepercarian malahan sebaiknya ia dikongsi bersama-sama kerana orang baru yang datang ke dalam keluarga adalah isteri kepada suami dan dianggap sebagai adik-beradik isteri itu sendiri. Sekiranya penerimaan isteri pertama baik, maka suami juga boleh mengendalikan keluarga dengan baik dan mengecapi keindahan berpoligami. Kesalahan setiap suami dan isteri adalah tidak mencintai Allah melebihi dari segala-galanya malah mengabaikan Allah walau dalam kesusahan serta menganggap harta sebagai kebahagiaan. Oleh yang demikian, terjadilah pelbagai masalah termasuk dalam keluarga monogami kerana meletakkan suami sebagai tempat bergantung nasib dan meletakkan taraf suami lebih daripada Tuhan.

Sebenarnya bukan poligami yang tidak memberi manfaat kepada manusia tetapi manusia tidak dapat memanfaatkan Tuhan di dalam kehidupan. Dengan demikian, Allah akan memberi tindak balas yang negatif atau kurang baik kepada pelakunya. Tuhan sepatutnya dijadikan teman hidup, tempat bergantung yang lebih rapat dari suami oleh yang demikian tidak sepatutnya poligami itu dihalang kerana walau apa cara sekalipun lelaki akan menikah lagi. Sehubungan itu, KPI ditubuhkan bagi memberi persediaan yang cukup berdasarkan syarat-syarat yang Tuhan sediakan untuk manusia.

Isteri-isteri pertama akan mengikuti kelas yang disediakan agar kelak mampu dan rela berkongsi suami, kongsi anak, harta dan sebagainya demi untuk mentaati suami dan keredhaan Allah. Suami pula, sekiranya mampu membahagiakan isteri-isteri, isteri pula sanggup patuh dan taat, suami dianggap layak menjadi pemimpin di dalam rumahtangga tambahan pula suami dapat melepasi ujian pertama iaitu memberi kefahaman kepada isteri pertama tentang poligami. Faedah KPI ialah ingin melaksanakan sesuatu hukum yang ditetapkan berlandaskan cara Tuhan kerana kelak akan lahirhlah masyarakat yang berkasih sayang. Selain itu, KPI juga ingin membantu kerajaan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan isu poligami.

REKA BENTUK KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kualitatif di mana data yang dikutip dan dianalisis secara deskriptif. Data tersebut diinterpretasi secara kritis untuk menjelaskan fenomena yang berlaku pada hari ini terhadap keluarga poligami serta kesan yang wujud akibat dari perkahwinan jenis poligami. Data diperoleh daripada bahan-bahan perpustakaan yang ada termasuk maklumat yang didapati daripada kelompok informan. Jenis penyelidikan dalam kajian ini adalah kajian ini berbentuk deskriptif iaitu penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena berdasarkan kepada faktor-faktor yang belum dikenalpasti. Kajian berbentuk *exploratory* yang bertujuan meneroka pandangan masyarakat mengenai poligami. Justeru kaedah yang digunapakai sebagai teknik pengumpulan data adalah temu bual mendalam menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur supaya informan diberi kelonggaran memudahkan informan memberi jawapan (Sidek Mohd Noah 2011). Soalan-soalan yang ditujukan telah dirancang secara rapi dan teratur supaya respons yang spesifik diperolehi. Proses mendapatkan informan menggunakan pensampelan rantaian (*chain referral*) atau sesetengah pengkaji mengistilahkan sebagai pensampelan secara tidak sengaja atau bola salji (Sabitha Marican 2006). Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan informan GISB dan bukan dari kelompok GISB adalah kaedah yang sama, iaitu informan diperkenalkan oleh seorang rakan yang kemudiannya memperkenalkan kepada informan yang lain dan begitulah seterusnya bersesuaian dengan kehendak kajian.

SUBJEK KAJIAN

Pengkaji telah mendapatkan sebanyak lima orang informan dari ahli Kelab Poligami Ikhwan. Informan terdiri dari isteri pertama dan kedua yang berusia 20 hingga 45 yang semuanya tinggal di sekitar Kajang, Selangor. Kesemua informan mengalu-alukan pengkaji untuk ditemuramah malah tiada masalah sekiranya diwar-warkan kepada orang lain juga. Secara keseluruhan pengkaji tidak menghadapi sebarang masalah semasa temu bual berlangsung.

ANALISIS DATA

Dalam proses menganalisa data dan maklumat yang diperolehi, pengkaji telah menganalisis data dalam bentuk deskriptif dan diinterpretasi secara kritis secara manual segala data yang dikumpulkan berdasarkan temu bual mendalam yang dijalankan tanpa menggunakan sebarang perisian komputer. Interpretasi data melalui analisis bertulis telah menemukan beberapa tema bagi memahami pandangan poligami bagi isteri berpogami GISB.

POLIGAMI MENURUT PANDANGAN ISTERI BERPOLIGAMI GLOBAL IKHWAN SDN. BHD. (GISB)

Berdasarkan hasil temubual, pengkaji telah mengkategorikan kesemua subtema pandangan poligami isteri berpogami GISB. Pandangan poligami ini dapat diklasifikasikan kepada tiga tema iaitu peranan GISB, agama dan sistem patriarki yang mendasari corak berfikir informan. Jadual 1 menunjukkan tema yang terbentuk hasil dari temubual informan GISB.

Jadual 1 : Komponen Utama dalam Pandangan Poligami Isteri Berpoligami GISB

Domain	Tema	Subtema
Poligami	GISB	Guru yang 'mursyid' sebagai 'role-model' Pemilihan jodoh Kepentingan ilmu dan didikan
	Agama	Cinta Tuhan Alat dan tugas untuk mencapai syurga Percaya kepada 'kerja Allah' dan untuk Allah Tuntutan agama (kewajipan) Kelapangan waktu (untuk Allah / ibadah, untuk diri sendiri) Merebut taqwa Penghapus dosa atau didikan jiwa (membuang sifat mazmumah)
	Sistem Patriarki	Membuktikan kepimpinan lelaki Penggiliran hak total suami Fitrah Sunnah Nabi Menyelamatkan lelaki dari fitnah Membantu para wanita

Berdasarkan temubual yang dijalankan kepada informan GISB, mereka berpendapat cinta hakiki atau sebenar-benar cinta adalah cinta kepada Tuhan iaitu Allah S.W.T. Mereka berpegang dan yakin setiap yang berlaku adalah ketentuan dan takdir yang telah ditetapkan kepada setiap manusia. Informan sangat yakin dengan ketentuan Tuhan. Informan juga berpendapat dengan keyakinan terhadap ketentuan dan mencintai Tuhan, poligami adalah jalan yang boleh membuatkan seseorang itu lebih banyak bergantung kepada Tuhan bukan kepada suami. Poligami juga boleh memberikan ruang kepada isteri untuk berehat dan lebih banyak waktu yang dapat diluangkan dengan Tuhan. Poligami mengajar supaya isteri tidak terlalu bergantung kepada suami tetapi lebih ‘membesarkan’ atau mengagungkan Tuhan. Berikut merupakan jawapan kepada pandangan tentang cinta oleh informan-informan GISB:

“Cinta yang hakiki adalah cinta Tuhan dan selain daripada itu nafsu. Kalau sayang suami akan lebih cintakan Tuhan”.

“Cinta manusia hanya duniawi, selebihnya adalah cinta Tuhan”.

“Cinta yang agung adalah cinta Tuhan, dan pengendalian sesebuah perkahwinan bergantung kepada keberkatan”.

“Cinta yang agung adalah cinta Tuhan, bila sama-sama mencintai Tuhan secara tidak langsung akan cinta sesama manusia”.

“Suami seketika sahaja, yang selebihnya dengan Tuhan, kalau monogami, kehidupan terhad, boleh cerai juga”.

“Keluarga poligami bahagia ini adalah sama-sama mencintai Tuhan, memang untuk Tuhan, kalau berselisih faham, sama-sama tengok kelemahan diri. Adilnya Tuhan kerana menurunkan ‘mujadid’ untuk umat Islam kerana ilmu yang benar-benar suci sudah tidak ada lagi. Masyarakat harus dididik dahulu, tidak boleh menyalahkan mereka kerana mereka tidak tahu, ia menjadi tanggungjawab pendakwah. Dalam GISB ada yang memberi contoh dan selaku pemimpin iaitu Ustaz Shaari”.

Konsep cinta yang difahami oleh wanita GISB ialah dengan meletakkan kecintaan Allah adalah sebaik-baik cinta manakala suami adalah alat bagi mencapai rasa cinta agung itu. Kaum isteri di kalangan GISB berpendapat lelaki atau suami bertindak sebagai medium atau perantaraan untuk mendapatkan syurga.

Walau bagaimanapun, lelaki yang terpilih sahaja yang layak berpoligami iaitu imam atau pemimpin di dalam keluarga tersebut. Lelaki yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan berpoligami untuk meneruskan tradisi orang soleh iaitu majoriti pada zaman Nabi Muhammad dan sahabat baginda yang mengamalkan poligami. Poligami juga dikatakan dapat mempamerkan kewibawaan dan kepimpinan seorang lelaki. Justeru sebagai seorang isteri, mereka mestilah sentiasa bersyukur kerana suami mengahwininya. Para informan GISB juga mengatakan suami berpoligami bukan kerana kekurangan diri mereka. Hal ini dibuktikan melalui situasi suami yang berkahwin bukan kerana nafsu atau cinta terhadap perempuan tersebut. Suami berkahwin atas aturan penjadohan oleh Abuya Ashaari terhadap lelaki yang telah diselidiki terlebih dahulu kelayakan untuk berpoligami. Justeru mereka berpendapat suami berkahwin kerana mencari keberkatan Tuhan. Berikut beberapa pandangan dari informan:

“Lelaki yang layak berpoligami adalah lelaki yang mampu terutama dari segi kewangan, ada ciri-ciri kepimpinan. Tambahan pula lelaki lebih berpandangan jauh berbanding perempuan manakala perempuan akal hanya satu dan nafsu sembilan, dan lelaki mempunyai sembilan akal dan satu nafsu”.

“Lelaki lebih tinggi kedudukannya berbanding perempuan, tidak boleh lawan. Manakala perempuan ada peranan tersendiri dan bersesuaian dengan fitrahnya lebih kepada mentarbiyah (mendidik) anak-anak”.

“Untuk menjayakan poligami, kena ada mursyid. Ada yang bermasalah tapi ada tempat rujukan, untuk pandu, sebagai contoh. Bila berjemaah lebih senang. Perempuan banyak bersangka buruk yang boleh menyebabkan masalah. Kena banyak berkorban, perkahwinan poligami ni boleh mendidik suami isteri”.

“Masa hari nikah, rasa bersalah sebab isteri kedua, tetapi kakak ingat, poligami ini Rasulullah yang bawa, kalau Rasulullah yang bawa, mesti jalan yang bahagia”.

Para informan yakin bahawa poligami adalah hak muslimin iaitu hak total lelaki. Malah poligami juga dikatakan perkahwinan yang dituntut di dalam Islam kerana poligami adalah bentuk perkahwinan Nabi Muhammad dan para sahabat. Selain itu, mereka juga berpendapat poligami adalah fitrah lelaki. Perasaan ingin berkahwin ramai atau mempunyai pasangan lebih dari satu dalam satu masa merupakan keinginan semulajadi lelaki.

“Berpoligami bagi lelaki adalah salah satu tuntutan fitrah (naluri semulajadi manusia) yang apabila dapat beristeri lebih, pada umumnya mereka akan rasa seronok namun ada juga lelaki yang tidak suka berpoligami”.

Isteri GISB mengatakan perkahwinan adalah alat dan tugas di dunia untuk meraih dan mendapatkan syurga. Perkahwinan sebagai alat bermaksud kehidupan berkahwin secara poligami sebagai objek atau medium untuk mendapatkan keberkatan dan kecintaan Tuhan. Manakala perkahwinan sebagai tugas bermaksud perkahwinan poligami ini merupakan suatu tugas yang Allah berikan kepada isteri-isteri untuk dilaksanakan. Sekiranya isteri dapat melaksanakan dan menyelesaikan dengan baik, maka isteri tersebut mendapat ganjaran syurga dan keberkatan Tuhan. Namun sekiranya isteri tersebut gagal melaksanakannya, maka isteri itu akan mendapat kemurkaan Allah. Ada informan yang mengatakan bahawa:

“Sebagai hamba kepada Tuhan, perkahwinan adalah alat, ‘assignment’ kat dunia, akan dipersoalkan di akhirat nanti”.

Justeru dalam perkahwinan, ilmu dan didikan berterusan sangat diperlukan bagi suami dan isteri. Bagi mengekalkan perkahwinan, isteri GISB beranggapan ilmu sangat penting bagi memberi kefahaman yang jelas agar tidak timbul permasalahan di dalam keluarga terutama hubungan isteri sesama isteri yang lain. Dalam GISB, Abuya Ashaari merupakan sumber rujukan atau ‘role-model’ bagi menunjukkan cara perkahwinan poligami yang betul. Mereka berpendapat zaman sekarang sudah tiada Rasulullah, maka kita tidak dapat melihat bagaimana cara kehidupan berkeluarga secara poligami. Justeru Abuya dijadikan contoh terdekat untuk melihat bagaimana kehidupan mereka sekeluarga. Walau bagaimanapun, isteri GISB berpendapat tidak boleh mencontohi orang sembarangan kerana kebanyakan pemimpin bukan contoh yang baik dan Abuya Ashaari merupakan penasihat yang dimuliakan dalam kelompok tersebut. Para informan mendapat ilmu dan didikan berterusan dari Abuya Ashaari. Berikut antara pandangan informan:

“Perempuan kena ada ilmu, kalau tak, tak mampu. Perempuan ni lemah, banyak prasangka. Jemaah ramai yang poligami, sebab jemaah mengutamakan ilmu, ilmu ni penting, baru tak pilih kasih. Perempuan rasa suami milik seorang”.

“Setiap ahli keluarga poligami harus mempunyai ilmu, kefahaman tentang agama, persediaan untuk poligami jiwa dan raga sebagaimana yang dikehendaki oleh Tuhan. Hamba yang

bersyukur dengan nikmat Tuhan, sabar dan reda dengan setiap ketentuan”.

“Isteri poligami akan jadi mangsa kebuasan nafsu, menderita sendiri sebab nafsu, macam nak kawal suami, diri sendiri yang menyebabkan diri jadi mangsa, sebab ikut nafsu”.

Poligami juga merupakan salah satu cara untuk para isteri ‘merebut taqwa’. Menurut Sidi Gazalba (1986) maksud taqwa ialah menjaga hubungan dengan Allah iaitu setiap perlakuannya dijaga hubungannya dengan Allah dengan mengerjakan apa yang disuruh-Nya. Di samping menjaga hubungan dengan Allah, taqwa itu adalah menjauhi segala larangan-Nya. Taqwa adalah buah agama manakala Rukun Iman sebagai teori atau akarnya dan Rukun Islam sebagai pelaksanaannya yang digambarkan sebagai ranting, daun dan pohonnya. Poligami dapat membongkar nafsu dan mencabar nafsu perempuan kerana perempuan mempunyai sembilan nafsu dan satu akal berbanding lelaki yang mempunyai sembilan akal dan satu nafsu sahaja. Justeru poligami adalah cara untuk mendidik jiwa bagi membentuk peribadi yang baik kerana hanya dengan ilmu serta hati yang terdidik dapat menghapus perasaan yang tidak baik atau sifat mazmumah di dalam diri dengan sentiasa bersabar dan redha (pasrah). Mereka mengatakan sekiranya berkahwin monogami, biasanya isteri akan tamak, cemburu dan lebih banyak bergantung kepada suami.

Dalam GISB, suami dilihat sebagai medium untuk mendapatkan syurga, justeru poligami adalah jalan yang terbaik untuk menundukkan nafsu dengan bergantung sepenuhnya kepada Tuhan. Isteri juga perlu melakukan pengorbanan setiap hari kepada suami seperti mentaati suami kerana di dalam diri perempuan banyak sifat-sifat yang tidak baik. Justeru apabila timbul permasalahan di dalam keluarga seperti merasakan suami melebihi masa atau perhatian terhadap isteri yang lain, biasanya isteri-isteri GISB akan merujuk kembali kepada kelemahan diri sendiri. Mereka menganggap suami merupakan ciptaan Tuhan yang hebat, maka mustahil suami akan melakukan perkara-perkara yang negatif tambahan pula suami adalah imam keluarga.

“Poligami sebenarnya lebih baik dari monogami dan masih layak untuk dipraktikkan sehingga sekarang walaupun tiada orang yang boleh mencontohi cara perkahwinan poligami Nabi Muhammad 100 peratus namun masih ada yang mungkin akan melakukannya”.

“Perempuan wajib menerima poligami kerana perempuan ada sembilan nafsu, hendak tepis susah, poligami ini perlu. Bila ada saingan, sifat mazmumah akan hilang”. “Pilih poligami sebab

untuk dekatkan diri dengan Tuhan, sifat mazmumah akan terhakis. Rasa Tuhan nombor satu, suami hanya sandaran”.

“Lelaki dibenarkan untuk berpoligami kerana dari segi hukum ia merupakan suatu kewajipan dan untuk menyelamatkan janda serta perempuan-perempuan yang masih belum berkahwin walau usia semakin meningkat (anak dara tua). Poligami bukanlah merupakan amalan yang dibenarkan hanya kerana nafsu semata-mata”.

“Islam itu indah dan cantiknya Islam adalah melalui poligami manakala poligami boleh membina empayar Islam. Keluarga poligami yang bahagia ialah yang mencipta zaman kembali berulang dengan mengamalkan sunnah dan melihat betapa cantik dan indah kasih sayang dalam keluarga poligami”.

Fathonah Kasuwi Daud (2007) mengatakan ideologi patriarki merupakan autoriti seorang ayah atau suami menempati posisi dominan sebagai pemimpin keluarga dan biasanya kaum lelaki mempunyai tugas di sektor awam manakala kaum wanita bertugas di wilayah rumahtangga. Surah al-Nisa ayat 34 dalam Al-Quran seringkali diambil menjadi pegangan di dalam masyarakat dalam menentukan perhubungan antara suami dengan isteri. Ayat itu bermaksud:

“kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita”.

Ayat ini tidak harus bermakna kediktatoran tetapi sebaliknya kasih sayang dan pengorbanan diri demi kepentingan orang yang dipimpin iaitu isteri dan anak-anak (Aminuddin Mohd. Yusof, Sii Ching @ Sii Mee Ching, Ling Lah Geng & Kuni A/K Singin 2003).

Dalam masalah penggiliran hari, semua informan GISB membuat penggiliran hari. Namun, mereka berpendapat penggiliran hari adalah hak suami bukan hak isteri justeru terpulang kepada suami ingin menginap di rumah mana-mana isterinya. Bagi isteri GISB pula, sekiranya suami tidak pulang ke rumah pada hari gilirannya, mereka menganggap ianya sebagai hadiah kepada ‘madu’ tersebut. Malah mereka juga bertolak-ansur dengan isteri-isteri yang lain dalam hal penggiliran hari. Dalam hal ini, giliran wajib diberikan secara sama rata kepada para isteri. Walau bagaimanapun, jika ada di antara isteri yang sedang menghadapi masalah seperti sakit atau di dalam keadaan tekanan yang menyebabkannya tidak mampu menjalankan tanggungjawabnya, maka giliran bermalam itu boleh diberikan kepada isterinya yang lain, dengan syarat mendapat keizinan atau keredhaan isteri yang lain (Arij Binti Abdurrahman As-Sanan 2006).

Paling penting, giliran bermalam tersebut bukanlah bermaksud untuk melakukan persetubuhan semata-mata, melainkan untuk menemani dan berkasih sayang, sama ada terjadi atau tidaknya hubungan intim. Maka, seorang suami tetap dianggap telah menunaikan tanggungjawabnya dalam hal giliran bermalam walaupun tidak terjadinya hubungan intim.

Dalam soal adil dalam pembahagian waktu bermalam dengan isteri-isteri, fuqaha' sependapat bahawa di antara hak-hak isteri ialah memperoleh perlakuan yang adil daripada suami dalam pembahagian waktu berdasarkan hadis:

“Dari Aisyah, ia berkata: Adalah Rasulullah S.A.W. menggilir di antara isteri-isterinya, dan beliau telah bertindak adil.kemudian beliau berdoa, Ya Allah! Inilah yang dapat aku kerjakan, menurut apa yang aku mampu. Dan janganlah Engkau mencelaku terhadap apa yang Engkau mampu sedangkan aku tidak mampu” (Abdullah Shonhaji 1992).

Hadis ini bertindak sebagai penguat terhadap kewajipan melakukan pembahagian secara adil kepada isteri-isterinya, dan dimakruhkan bersikap berat sebelah iaitu berat sebelah dalam menggaulinya yang bererti mengurangi haknya, tetapi tidak dilarang untuk lebih mencintai yang satu dari lainnya, kerana soal cinta adalah di luar kesanggupannya.

M. Quraish Shihab (2000) pula dalam membahaskan ayat ketiga surah al-Nisa' mengatakan ayat tersebut tidak membuat peraturan tentang pengamalan poligami kerana perkahwinan jenis poligami ini telah dikenal dan dilaksanakan oleh penganut pelbagai syariat agama serta adat-istiadat masyarakat sebelumnya. Ayat ini juga tidak mewajibkan poligami dan tidak menganjurkannya, ia hanya berbicara tentang kebenaran mengamalkan perkahwinan poligami dan ia hanya dapat dipraktikkan sekiranya amat memerlukan dan syarat yang berat. Raja Rohana Raja Mamat (1991) mengatakan berdasarkan ayat ini Islam tidak menggalakkan penganutnya berpoligami tetapi mengizinkan poligami mengikut keperluan.

Besar kemungkinan GISB berpegang kepada poligami sebagai salah satu wasilah dakwah dalam maskarakat. Dalam sistem masyarakat menurut Islam, asas yang terpenting ialah asas akidah. Akidah merupakan batu asas yang paling utama dalam pembentukan masyarakat yang sempurna. Ini kerana setiap insan perlu mengetahui dengan jelas apakah tujuan utama penciptaan mereka ke atas muka bumi dan menunaikan tanggungjawab mereka dengan baik. Akidah yang jelas juga akan menjadikan manusia memahami setiap gerak geri dan tindak tanduknya merupakan satu amal yang akan diperhitungkan di hadapan Allah S.W.T kelak.

Hasil daripada asas yang kukuh ini maka seseorang itu akan merasakan pertalian kukuh antara mereka dan saudara mereka yang lain yang berdiri di atas iman. Perkara ini akan mengikis sifat *assobiyah* yang tercela yakni semangat berpuak-puak dalam masyarakat berasaskan bangsa, warna kulit dan bahasa. Di samping itu asas akidah yang kukuh akan menjadikan takwa kepada Allah S.W.T sebagai pengukur darjat manusia bukannya harta, pangkat dan kekayaan seseorang (Abdul Karim Zaydan, 1976).

Isu poligami sememangnya tidak dapat lari daripada perbahasan akidah. Ini kerana ianya jelas dan nyata disebutkan dalam al-Quran sebagai dalil yang *qat'ie* iaitu jelas dan terang tanpa sebarang takwilan. Ayat ke-3 surah al-Nisa' menjelaskan keharusan poligami. Dalam pengamalan GISB mereka menganggap sesuatu yang diharuskan semestinya mempunyai kebaikan kerana Allah S.W.T itu Maha Bijaksana dan Mengetahui. Seandainya berlaku keburukan dalam poligami ianya bukanlah salah pensyariatan poligami melainkan kesalahan itu berlaku disebabkan kelemahan dan kekurangan manusia (Masyitah Mokhtar, 1989). Oleh itu kaum wanita tidak seharusnya memandang poligami sebagai sesuatu yang negatif dan menindas kaum wanita. Sekiranya berlaku sedemikian dikuatiri ianya akan membawa kepada penolakan al-Quran. Maka al-Arqaam atau GISB menganjurkan poligami sebagai manifestasi kekuatan akidah pengikutnya terhadap syariat Allah S.W.T.

Suami memainkan peranan penting dalam perkahwinan. Antara tanggungjawab terpenting seorang suami kepada isteri mereka ialah menjaga mereka daripada api neraka dengan cara mendidik dan mentarbiah mereka dengan pemahaman agama yang sahih. Mereka wajib mengajarkan ilmu-ilmu agama termasuk ilmu berkenaan bersuci, haid, istihadah, solat, akhlak dan lain-lain kepada para isteri. Sekiranya tidak mampu mereka perlu mencari orang yang berilmu untuk mengajarkan isteri mereka. Pokoknya suami perlu menyediakan kelengkapan ilmiah bagi keluarganya dengan tujuan menyelamatkan mereka daripada api neraka. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Tahrim ayat ke-6:

لَتَبْكُنَّ عَلَيْهِمْ وَالْحِجَارَةُ الَّتِي النَّاسُ وَقُودُهَا نَارًا وَأَهْلِيكُمْ أَنْفُسُكُمْ قُودًا أَمْنُوا الَّذِينَ يَتَأْتِيهَا
يُؤْمَرُونَ مَا وَيَفْعَلُونَ أَمْرَهُمْ مَا اللَّهُ يَعْصُونَ لَأَنْ شِدَادٌ غَلَاظٌ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*

Walau bagaimanapun didikan terpenting yang perlu diberikan oleh para suami semestinya didikan ilmu usuluddin atau ilmu akidah. Kerana ilmu akidah menjadi asas kepada segala ilmu-ilmu lain dalam Islam. Para suami wajib menyediakan didikan-didikan ini dengan lengkap kerana mereka akan dipertanggungjawabkan ke atas isteri-isteri mereka di hadapan Allah S.W.T. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab suami untuk menjadi pendakwah yang utama kepada para isteri mereka (Mahmud al-Misri, 2006).

Amalan poligami juga mampu menjadi contoh tauladan kepada masyarakat untuk mengikuti sunnah baginda S.A.W sekiranya dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Menurut Hafiz Firdaus Abdullah (2012) antara hikmah poligami ialah mampu menjadi contoh teladan kepada manusia lain sekaligus menjadi sunnah hasanah yang terus mengalir pahala secara berterusan. Beliau juga menambah para pemimpin jemaah, persatuan, NGO dan pewaris nabi perlu memainkan peranan utama dalam menjelmakan tauladan ini secara praktikal agar sunnah Rasulullah S.A.W yang sering disalah tanggap ini kembali menjadi amalan kebiasaan. Selain itu poligami juga akan mendidik para isteri untuk mengalihkan kebergantungan daripada suami kepada Allah S.W.T semata. Meskipun seorang isteri mempunyai didikan agama, kerjaya dan kehidupan yang baik, hakikatnya kebanyakan mereka meletakkan kebergantungan utama kepada suami. Hal ini menjadikan kebanyakan mereka tidak dapat menerima konsep poligami. Menerima poligami akan menjadi asas kepada penyerahan mutlak kepada Allah. Oleh itu poligami menjadi wasilah dakwah khusus untuk para isteri supaya memfokuskan kebergantungan kepada Allah S.W.T.

RUMUSAN

Kajian ini mendapati bahawa poligami difahami sebagai suatu keperluan dan kepentingan bagi pengikut GISB dengan mengembalikan segala-galanya kepada Tuhan. Walaupun pengasasnya, Abuya Ashaari sudah meninggal dunia, mereka masih menjadikan beliau sebagai panduan dalam mengendalikan keluarga poligami. Fahaman poligami yang dipegang oleh GISB berbeza dari pandangan masyarakat Islam umumnya yang membuka pintu poligami apabila perlu sahaja. Sebaliknya poligami menurut GISB dikatakan sebagai jalan untuk lebih dekat dengan Tuhan. Perkahwinan poligami bukanlah suatu hal baru. Pengamalan dan pembahasan berkenaannya sudah cukup lama dan jelas. Justeru ada yang berpendapat poligami dalam GISB lebih bersifat patriarki kerana melebihkan kaum lelaki dengan kurang menitikberatkan soal emosi isteri. GISB menjadikan agama sebagai medium untuk isteri mengiyakan perkahwinan tersebut.

Amalan poligami juga dianggap sebagai satu bentuk dakwah GISB kepada masyarakat. Agama juga menjadi suatu sokongan sosial bagi isteri-isteri dengan meletakkan segala keperitan dengan mengatakan sebagai jalan

penghapus dosa. Pelaksanaan poligami dalam GISB menjadi suatu kebiasaan dan pendedahan yang diberikan kepada pengikutnya bermula sejak dari awal lagi.

Walau bagaimanapun GISB dilihat memegang pemahaman yang agak berbeza dalam penafsiran ayat 3 surah al-Nisa' dengan beranggapan amalan berpoligami adalah asas yang terbaik dalam perkahwinan. Berbeza dengan penafsiran kebanyakan ulama' tafsir yang menyatakan asasnya adalah hanya seorang melainkan dengan masalah tertentu maka dibenarkan untuk berpoligami sehingga empat orang. Ini kerana dikhuatiri manusia tidak mampu berlaku adil kepada para isteri mereka. Mengambil kira soal ini, dapat disimpulkan bahawa poligami adalah amalan yang perlu diteliti dengan secukupnya sebelum diamalkan kerana keadilan untuk semua isteri adalah satu perkara yang amat sukar untuk dilakukan. Soal keadilan dalam poligami juga dilihat tidak begitu dititikberatkan oleh mereka sebaliknya mereka lebih menekankan peranan poligami sebagai mendekatkan diri kepada Tuhan. Dalam hal ini dapat dirumuskan tahap keyakinan mereka terhadap mursyid dan guru cukup tinggi sehingga mereka teguh berpegang dengan konsep poligami sebagai satu bentuk ujian yang perlu dihadapi oleh para isteri. Keyakinan tidak berbelah bahagi mereka terhadap amalan poligami sebagai amalan Islam adalah sesuatu yang harus diberikan pujian namun soal keadilan perlu ditekankan kerana ia adalah batu asas kepada amalan poligami menurut Islam. Keadilan adalah syarat utama dalam poligami untuk memastikan rumah tangga yang dibina terus berada dalam keadaan yang aman dan sejahtera.

BIODATA PENULIS:

Farrah Wahida Mustafar, adalah Pensyarah Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka.

Adam Badhrulhisham, adalah Pensyarah Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

BIBLIOGRAFI

- Abd al-Karīm Zaydān (1976), *Uṣūl al-Da'wah*, Baghdad: (t.p) Abdullah Shonhaji Dkk. (1992). *Tarjamahan Sunan Ibnu Majah*. Kuala Lumpur: CV. Darulfikir.
- Abuya Ashaari Muhammad. (T. th). *Modul Poligami Indah Dari Tuhan*. Selangor: Penerbitan Minda Ikhwan.
- Abuya Syeikh Imam Ashaari Muhammad At Tamimi & Khadijah Aam. (2008). *Manisnya Madu*. Cetakan Ke-2. Jakarta: Giliran Timur.
- Al-Krenawi, A. & Slonim-Nevo, V. (2008). Psychosocial and familial functioning of children from polygynous and monogamous families. *Journal of Social Psychology* 148 (6): 745-764. <http://www-scopus-com> [20 Mei 2009].
- Al-Marāghī, Ahmad Mustafā (1946). *Tafsīr al-Marāghī*. jil. 4, Kaherah: Mustafā al-Bāb al-Halabi
- Al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muhammad Ibn Jarīr (2001). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. jil. 6, Kaherah: Markaz al-Buhūth li Dirāsāt al-Islāmiyah wa al-'Arabiyyah
- Aminuddin Mohd. Yusof, Sii Ching @ Sii Mee Ching, Ling Lah Geng & Kuni A/K Singin. (2003). Gaya kepimpinan suami dan kebahagiaan rumahtangga dalam Prosiding Seminar Kekeluargaan Kebangsaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ann Wan Seng. (2005). *Di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ann Wan Seng. (2005). *Rahsia Arqam (Siri Isu Semasa)*. Cetakan Ke-2. Bentong: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Anon.(2009). Mengapa berpoligami. Kelab Poligami I khwan. <http://poligamiikhwan.org/portal/artikel/mengapa-berpoligami.html> [1Jun 2010].
- Anon. 2009. Aurad Muhammadiah diamalkan berselindung. *Utusan Malaysia*, 15 Ogos.
- Anon. (2009). Poligami menjana kemakmuran keluarga. Kelab Poligami Ikhwan. <http://poligamiikhwan.org/portal/artikel/poligami-menjana-kemakmuran-keluarga.html> [1 Jun 2010].
- Anon. (2010). Hanya lelaki yang berwibawa berhak berpoligami. *Utusan Malaysia*, 5 Januari.
- Anon. (2010). Lelaki Mahu Poligami Perlu Patuh Peraturan. *Berita Harian*. 20 Mei.
- Anon. (2010). Tauhu, taucu, kicap buatan orang Islam. *Utusan Malaysia*, 16 Mei.